

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS2EN/1

SECONDARY 2 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 1

BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.




This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab dua soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



The screenshot shows an email client interface. At the top, there is a toolbar with icons for menu, folders, mail, trash, compose, star, lock, reply, reply all, and print. Below the toolbar, on the left, is a circular profile icon. To the right of the icon are three text boxes: 'Kepada: TalhahNorman@gmail.com', 'Daripada: SabriYusof@pintar.com', and 'Subjek: Kerja Kemasyarakatan'. Below these boxes, the date 'Tarikh: 12 Februari 2018' is displayed. The main body of the email starts with 'Talhah,' followed by a paragraph: 'Sebenarnya, saya telah ditugaskan untuk merancang sebuah kegiatan kemasyarakatan untuk dilakukan secara kelas. Guru malah telah memilih saya untuk mengetuai projek itu. Saya rasa teruja sekali namun pada masa yang sama, saya berasa gementar kerana ini merupakan pengalaman pertama saya merancang sebuah projek seumpama itu. Saya juga tidak mempunyai banyak pengalaman melakukan kerja-kerja kemasyarakatan.' This is followed by another paragraph: 'Saya tahu bahawa awak pernah mengikuti program serupa di sekolah awak. Bolehkah awak berkongsi pengalaman awak dengan saya? Saya perlu nasihat awak tentang kegiatan apakah yang boleh saya anjurkan untuk rakan-rakan sekelas saya.' The email concludes with 'Hingga di sini sahaja e-mel saya untuk kali ini. Saya menantikan jawapan daripada awak. Sekian terima kasih.' and a sign-off 'Yang benar, Sabri'.

Kepada: TalhahNorman@gmail.com

Daripada: SabriYusof@pintar.com

Subjek: Kerja Kemasyarakatan

Tarikh: 12 Februari 2018

Talhah,

Sebenarnya, saya telah ditugaskan untuk merancang sebuah kegiatan kemasyarakatan untuk dilakukan secara kelas. Guru malah telah memilih saya untuk mengetuai projek itu. Saya rasa teruja sekali namun pada masa yang sama, saya berasa gementar kerana ini merupakan pengalaman pertama saya merancang sebuah projek seumpama itu. Saya juga tidak mempunyai banyak pengalaman melakukan kerja-kerja kemasyarakatan.

Saya tahu bahawa awak pernah mengikuti program serupa di sekolah awak. Bolehkah awak berkongsi pengalaman awak dengan saya? Saya perlu nasihat awak tentang kegiatan apakah yang boleh saya anjurkan untuk rakan-rakan sekelas saya.

Hingga di sini sahaja e-mel saya untuk kali ini. Saya menantikan jawapan daripada awak. Sekian terima kasih.

Yang benar,
Sabri

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Seorang jiran kamu yang tinggal di unit bersebelahan kamu sering meletakkan barangan-barangan yang tidak digunakan lagi di koridor. Oleh itu, koridor kamu kelihatan semak dan sukar bagi kamu melaluinya. Kamu telah berjumpa dengan jiran itu untuk memberitahu kepadanya akan masalah yang kamu hadapi namun kamu malah dimarahinya.

Tuliskan sebuah e-mel kepada Majlis Bandaran Timur Laut untuk mengadu tentang masalah yang kamu hadapi. Nyatakan juga perkara-perkara yang mungkin terjadi sekiranya perkara itu berterusan.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: radenizzati@e-mail.com

Alamat penerima: maklumbalas@majlisbandaran.gov.sg

BAHAGIAN B (40 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Kamu dan rakan baik kamu telah menyaksikan satu peristiwa yang mengerikan semasa berlari-lari anak di sebuah taman yang berdekatan. Gambarkan peristiwa itu dan perasaan kamu semasa menyaksikan peristiwa tersebut. Nyatakan juga kesudahannya.
4. Tulis sebuah karangan mengenai seseorang yang berjaya mengatasi satu kelemahannya untuk mencapai impiannya.
5. Bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan remaja bersukan.

SELESAI